

VAKSIN UNTUK RAKYAT

Sinar
Malaysia

(31 Mac 2021) Sinar Harian, p. 7

Kes baharu kembali empat angka

Selangor masih kekal sebagai negeri tertinggi catat kes positif iaitu 401 kes

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes harian positif Covid-19 kembali kepada empat angka pada Selasa dengan sebanyak 1,133 kes.

Bagaimanapun Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes pulih kekal melebihi kes baharu.

"Kes pulih adalah 1,148 dengan ku-

mulatifnya 328, 554 kes," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan pesakit Covid-19 di negara ini sebanyak 344,018 kes.

"Terdapat lapan kes import manakala 1,125 pula adalah penularan dalam negara," katanya.

Beliau berkata, jumlah kes aktif pula adalah 14,119 kes.

"Ia merangkumi 161 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi termasuk 76 memerlukan bantuan pernafasan.

"Terdapat lima kematian berkaitan Covid-19 direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian adalah 1,265," katanya.

Mengulas mengenai kes kematian,

Dr Noor Hisham berkata, masing-masing dua kes dilaporkan di Sarawak dan Kuala Lumpur serta satu di Selangor.

"Takziah kepada seluruh ahli keluarga," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor masih kekal sebagai negeri tertinggi melaporkan kes positif Covid-19 dengan 401 kes.

"Pulau Pinang pula melaporkan 194 kes diikuti Sarawak (153), Johor (96), Kuala Lumpur (53), Kelantan (44), Perak (44), Sabah (41), Kedah (41), Negeri Sembilan (39) dan Pahang (16).

"Sementara Melaka (enam), Terengganu (dua), Labuan dan Putrajaya masing-masing satu kes," katanya.


Beliau berkata, sebanyak 87 kes yang dilaporkan adalah berkaitan kluster di penjara.




"Ia membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (73), Kluster Tembok Taipung (13), dan Kluster Tembok Pengkalanchepa (satu)," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 30 Mac 2021



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 344,018 | PULIH: 328,554 | ICU: 161 | KEMATIAN: 1,265 | KES BAHARU: +1,133 | SUDAH DIVAKSIN: 621,417

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 342,885 kes kepada 344,018 kes

